



20 Ogos 2024



## JAKOA bantu keluarga Nuraina Humaira

Bangi: Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) memberikan khidmat kaunseling dan bantuan kebajikan untuk keluarga kanak-kanak Orang Asli, Nuraina Humaira Rosli, 10, yang ditemukan mati di Kampung Bersah, Pos Kuala Mu, Perak.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Datuk Rubiah Wang berkata, Jakoa bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bagi membantu keluarga terbabit.

"Di pihak Jakoa, kita sudah mengambil tindakan segera bagi membantu keluarga berkenaan dari sudut bantuan kewangan dan kebajikan. Pada masa sama, Jakoa juga sedang merujuk perkara ini dengan JKM.

"Pertama, mangsa adalah anak istimewa iaitu orang kurang upaya (OKU) cacat pendengaran serta lembam dan di bawah KPWKM sendiri terdapat peruntukan untuk kanak-kanak.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Anugerah Murid Cemerlang (AMC) Jakoa Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) 2023, di sini, hari ini.

Menurutnya, kementeriannya akan berusaha untuk terus membantu keluarga itu terutama memberikan sokongan moral, mental dan emosi.

"Kita masih meneruskan usaha untuk membantu keluarga berkenaan. Kita cuba melihat apa ruang untuk sokong dari sudut kebajikan dan mental mereka. Kita lihat memang ada kesan trauma dalam keluarga itu apabila mendapati anak mereka menerima nasib sebegini," katanya.

Sabtu lalu, mayat murid tahun empat Sekolah Kebangsaan (SK) Pos Kuala Mu itu ditemukan di kawasan berpaya di perkampungan Orang Asli Kampung Bersah sekitar 4.20 petang, hasil operasi mencari yang digerakkan selepas mangsa dilaporkan tidak pulang ke rumah sejak Jumaat lalu.

Susulan itu, suspek yang juga saudara terdekat mangsa iaitu remaja lelaki berusia 17 tahun direman selama tujuh hari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.